

Umno tingkat pemantauan ahli daftar mengundi

KUANTAN: Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad mahu kepemimpinan Umno peringkat bahagian meningkatkan pemantauan berhubung pendaftaran pemilih bagi memastikan anggota parti itu dapat mengundi pada pilihan raya akan datang.

Beliau berkata, kepemimpinan peringkat bahagian perlu mengadakan mesyuarat lebih kerap ketika mengemaskini maklumat pemilih sebagai persediaan awal menghadapi pilihan raya.

"Selalu kita hanya menunggu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membuat pendaftaran pemilih, tetapi jentera parti boleh bergerak membantu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat Daftar Pemilih, di sini, semalam.

Turut hadir Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Katanya, bagi membantu usaha pemantauan itu, Ibu Pejabat Umno sudah menyediakan buku daftar pemilih yang mengandungi nama, alamat dan cawangan pemilih yang memudahkan kepemimpinan bahagian mengemaskini maklumat.

Katanya, buku itu juga akan diserahkan kepada kepemimpinan parti komponen Barisan Nasional (BN) bagi membantu usaha meningkatkan jumlah daftar pemilih.

Sementara itu, Radzi berkata, kira-kira 30,000 daripada 570,310 pemilih di Pahang masih belum berdaftar.

Bagaimanapun, beliau berkata, jumlah itu dijangka berkurangan dengan usaha berterusan parti berkenaan dalam memastikan anggotanya mendaftar sebagai pemilih.

Adnan yang juga Menteri Besar Pahang berkata, BN negeri sudah bersedia menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa berdasarkan sokongan rakyat serta prestasi wakil rakyat BN negeri itu yang sentiasa bekerja keras menyelesaikan segala permasalahan rakyat. - Bernama